

Wadah Pembaharuan

BH
Berita n

Diterbit sejak 1957

n.my

Pindaan RUU 355

Kerajaan tidak mahu gopoh

Keratan Akhbar BH

Tarikh 16/7/2024

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pindaan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (RUU 355) yang bertujuan memperkasakan Undang-Undang Syariah di negara ini akan dilakukan dengan teliti, mengambil kira pandangan semua pihak sama ada Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta pakar undang-undang antarabangsa. Ia penting untuk menjadi satu dokumen yang kukuh, disepakati oleh semua negeri, mufti dan ulama.

Oleh Fahmy A Rosli → Nasional 2

4 (Isnin)
Sari, Blok F8,
int 1, Putrajaya



Anwar bersama Mohd Na'im (kanan) pada perasmian Konvensyen Memartabatkan Perundangan Dan Kehakiman Syariah Malaysia di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Pindaan RUU 355 dibuat dengan teliti

Keratan Akhbar bh

Tarikh 16/7/2024

Pandangan semua
termasuk pakar
undang-undang
antarabangsa
diambil kira

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Putrajaya: Pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (RUU 355) bagi memperkasakan Undang-Undang Syariah di negara ini akan dibuat dengan teliti seperti dikehendaki oleh Majlis Raja-Raja.

Berucap merasmikan Konvensyen Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia, di sini semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau sudah menghadap Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), minggu lalu berkenaan RUU 355.

"Setakat ini, saya tidak dapat lihat sebarang bantahan atau masalah sama ada (dari) Ketua Hakim Negara yang telah merestui usaha ini dan Majlis Raja-Raja yang telah diberikan taklimat awal.

"Majlis Raja-Raja memberikan perkenan cuma mereka minta di-

teliti, supaya tidak dilihat gopoh atau dalam pelaksanaannya dilihat kelemahan ketara," katanya.

Justeru, Anwar menegaskan proses pindaan itu dilakukan dengan mengambil kira pandangan semua pihak sama ada Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, termasuk pakar undang-undang antarabangsa.

Untuk itu, beliau sudah mengahatkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar untuk menyelaras usaha itu.

"Kita mahu supaya diteliti betul-betul kerana sebaik sahaja dibentangkan, ia menjadi satu dokumen yang kukuh, disepakati oleh semua negeri, mufti dan ulama.

"Malah, saya minta JAKIM dan Mohd Na'im cuba menyelaraskan dan minta pandangan pakar perundangan, kerana harus dijadikan dokumen penting yang boleh ditelaah oleh pakar antarabangsa.

"Ini bukan satu dalil untuk melengahkan atau meremehkan usaha lalu, malah kita memang memanfaatkan tetapi ada kelemahan besar dalam peruntukan.

"Jadi bukan sahaja dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) tapi harus rujuk pakar antarabangsa. Kefahaman itu perlu menyeluruh.

"Bahkan perbincangan juga harus membabitkan bukan sahaja Mahkamah Syariah tetapi juga Mahkamah Sivil, pakar perundangan, hakim terutama Ketua Ha-

kim Negara serta hakim-hakim kanan dalam Mahkamah Sivil supaya kefahaman itu lebih," katanya.

RUU 355 bertujuan meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad, iaitu denda RM5,000 atau tiga tahun penjara atau/ dan sebat enam kali kepada bidang kuasa lebih mengikut syariah, kecuali hukuman bunuh.

Dijangka dibentang Ogos

Mengenai perkembangan terkini pindaan peruntukan itu, Perdana Menteri berkata, sebelum ini beliau menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi meneruskan perbincangan mengenai pindaan terkait RUU355.

"Minggu lalu, saya menghadap Pengerusi MKI yang baharu, Sultan Nazrin dan setuju dengan kerangka awal yang dibentangkan jawatankuasa pakar dan disampaikan kepada Mohd Na'im.

"Saya ucap terima kepada beliau yang nampaknya menyejajarkan proses ini dan Sultan Nazrin menyatakan kesediaan baginda untuk berbincang dalam mesyuarat (MKI) Ogos ini.

"Maknanya ada perubahan, kesediaan dan saya harap dari semua negeri, semua dalam kalangan melihat ini secara positif.

"Insya-Allah Ogos ini, kita bentangkan. Namun berdasarkan perbincangan saya dengan Sultan Nazrin, sebaiknya diangkat kepada pihak antarabangsa, rujuk semula sebelum dirujuk AGC," katanya.